



## PEKELILING BENDAHARI

**BIL 03/2020**

Tarikh : **15 Disember 2020**  
**29 Rabiulakhir 1442H**

Semua Ahli Pengurusan Eksekutif  
Semua Ketua Pentadbiran Kulliyah/Pusat/Bahagian  
Semua Pegawai

السلام عليكم

Y.Bhg Prof./Dr/Tuan/Puan,

### **PENETAPAN KADAR PENYEDIAAN MAKANAN DAN MINUMAN BAGI MESYUARAT / KURSUS / BENGKEL / SEMINAR / MAJLIS UNIVERSITI**

#### **1.0 TUJUAN**

- 1.1 Tujuan Pekeliling ini adalah untuk memaklumkan penetapan kadar baru bagi penyediaan makanan dan minuman bagi mesyuarat / kursus / bengkel / seminar / majlis Universiti

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Perbelanjaan bagi penyediaan makanan dan minuman untuk mesyuarat / kursus / bengkel / seminar / majlis Universiti (selepas ini dipanggil "program Universiti") semakin meningkat susulan daripada kenaikan harga semasa yang ditawarkan di pasaran.
- 2.2 Bagi mengawal serta mengamal perbelanjaan berhemat dalam menyediakan makanan dan minuman untuk program Universiti, semakan kadar penyediaan makanan dan minuman telah diluluskan di Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif Kali Ke-102 (Bil. 13/2020) bertarikh 8 Disember 2020.

#### **3.0 KADAR PENYEDIAAN MAKANAN DAN MINUMAN**

##### **3.1 Mesyuarat / kursus / bengkel / seminar / majlis peringkat Universiti:**

- 3.1.1 Penyediaan makanan dan minuman bagi mesyuarat hanya disediakan kepada program Universiti yang dipengerusikan oleh Ketua Kulliyah, Pusat atau Bahagian (KPB) atau yang melibatkan jemputan pegawai dari luar Universiti.

3.1.2 Bagi tujuan penyelarasan dan mengambil kira keadaan semasa, kadar maksima penyediaan makanan dan minuman bagi penganjuran program Universiti hendaklah tidak melebihi daripada kadar yang ditetapkan bagi setiap peserta/jemputan seperti berikut:

Bil.	Perkara	Cadangan Kadar (RM)	Kategori Program
1	Pagi	5.00	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mesyuarat di peringkat KPB (maksima 2 kali sebulan sahaja).</li> <li>- Mesyuarat jawatankuasa-jawatankuasa (JK) di peringkat Universiti.</li> </ul> <p><u>Contoh:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>JK Perpustakaan</li> <li>JK Kemasukan Prasiswazah</li> <li>JK Penyelarasan Jaminan &amp; Peningkatan Kualiti Akademik</li> <li>JK Persidangan, Penyelidikan &amp; Penerbitan (JKU3P)</li> <li>JK Kebajikan Pelajar</li> <li>JK Pengurusan, Penajaan &amp; Pemilihan (JK3P)</li> <li>JK Pengurusan Aset</li> <li>JK Pembangunan Sistem</li> <li>JK Jaringan Industri &amp; Masyarakat</li> <li>JK Bertindak Promosi</li> </ul> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Lain-lain mesyuarat yang seumpamanya seperti yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat (LPS) / Lembaga Pengelola Universiti (LPU) / JPE / Senat.</li> <li>- Sesi semakan dokumen akademik dan tajaan PTPTN (pelajar baru).</li> <li>- Kursus/ Bengkel/ Seminar sama ada percuma atau berbayar.</li> </ul>
2	Tengahari	8.00	
3	Petang	3.00	
4	Malam	8.00	
<b>Pakej Jamuan</b>			
1	Pagi - Tengahari (2 kali)	10.00	
2	Pagi - Petang (3 kali)	15.00	
3	Pagi - Malam (4 kali)	20.00	

### 3.2 Mesyuarat / majlis Universiti yang melibatkan ahli Lembaga Pengelola Universiti (LPU) dan Lembaga Pengarah Syarikat (LPS) serta tetamu Universiti yang setaraf:

3.2.1 Bagi tujuan penyelarasan kadar maksima penyediaan makanan dan minuman bagi mesyuarat / majlis Universiti yang dipengerusikan / dihadiri oleh ahli LPU dan LPS serta tetamu Universiti yang bertaraf Tetamu Amat Penting (VVIP) seperti kerabat DiRaja, Menteri, Timbalan Menteri, EXCO Negeri dan lain-lain tetamu yang setaraf) hendaklah tidak melebihi daripada kadar yang ditetapkan seperti berikut:

Bil.	Perkara	Cadangan Kadar (RM)	Kategori Program
1	Pagi	8.00	- Mesyuarat Lembaga Pengelola Universiti (LPU). - Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat (LPS). - Mesyuarat jawatankuasa-jawatankuasa LPU / LPS.
2	Tengahari	15.00	
3	Petang	7.00	
4	Malam	15.00	
<b>Pakej Jamuan</b>			
1	Pagi - Tengahari (2 kali)	17.00	- Majlis yang melibatkan tetamu Universiti Amat Penting (VVIP) - Kerabat DiRaja, Menteri, Timbalan Menteri, EXCO Negeri dan lain-lain tetamu yang setaraf.
2	Pagi - Petang (3 kali)	22.00	
3	Pagi - Malam (4 kali)	30.00	

3.2.2 Kadar di atas adalah termasuk upah khidmat pelajar Kulliyah Hospitaliti untuk menyedia dan menghidang makanan dan minuman sekiranya perlu.

### 3.3 Majlis Santapan DiRaja

3.3.1 Kadar penyediaan makanan dan minuman bagi Majlis Santapan DiRaja sempena upacara Istiadat Konvokesyen Universiti atau majlis-majlis seumpunya adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Induk Istiadat Konvokesyen Universiti.

## 4.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta pada 8 Disember 2020 dan hendaklah dipatuhi serta dibaca bersekali dengan Peraturan Kewangan dan Akaun Universiti.

Sekian, terima kasih.

**"MELESTARIKAN ILMU MELALUI KEBIJAKSANAAN"  
" KEDAH SEJAHTERA - NIKMAT UNTUK SEMUA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(HAJI MOHD FAHMI BIN SHEIKH OMAR)**

Pendaftar

Menjalankan tugas Bendahari

Universiti Islam Antarabangsan Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah  
(UniSHAMS)

s.k. Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni)

Timbalan Naib Canselor (Kelestarian Institusi dan Jaringan Industri)

Pendaftar